

# WARISAN DIRAJA

## NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS



Our Royal Heritage

---

Hak Cipta © Majlis Belia Negeri Sembilan

**HAK MILIK TERPELIHARA**

Kandungan isi penerbitan ini tidak bolih disalin citakan, atau diedarkan dalam sebarang bentuk atau melalui sebarang saluran, elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman atau yang lain, tanpa kebenaran dan persetujuan penerbit.

*Copyright © Majlis Belia Negeri Sembilan*

***ALL RIGHTS RESERVED***

*No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission of the publisher in writing.*

---

# **WARISAN DIRAJA NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

## **KANDUNGAN**

- A) RIWAYAT HIDUP KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU JAAFAR IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN YANG DIPERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
  - RIWAYAT HIDUP TUNKU AMPUAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS TUNKU NAJIHAH BINTI TUNKU BESAR BURHANUDDIN, DK
- B) PENGENALAN
- C) NEGERI SEMBILAN DAN SEJARAHNYA
- D) MASYARAKAT MINANGKABAU
- E) SEJARAH KEDATANGAN PENEROKA MINANGKABAU DAN ADAT PERPATEH KE NEGERI SEMBILAN
  - (i) Pengenalan
  - (ii) Kedatangan Peneroka Dari Minangkabau
  - (iii) Adat Perpateh – Pentadbiran dan Politik
- F) SALASILAH YANG DIPERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN
- G) ASAL-USUL DAN KEDATANGAN RAJA-RAJA NEGERI SEMBILAN
- H) WARISAN TAKHTA DIRAJA NEGERI SEMBILAN
  - (i) Raja Melewar – (Dijemput) – 1773 – 1795
  - (ii) Yam Tuan Hitam – (Dijemput) – 1795 – 1808
  - (iii) Yam Tuan Lenggang – (Dijemput) – 1808 – 1824
  - (iv) Raja Radin – (Putera) – 1824 – 1861
  - (v) Yang Dipertuan Imam – (Adinda) – 1861 – 1869
  - (vi) Yam Tuan Antah – (Putera Raja Radin) – 1872 – 1888
  - (vii) Tuanku Muhammad – (Putera) – 1888 – 1933
  - (viii) Tuanku Abdul Rahman – (Putera) – 1933 – 1 April 1960
  - (ix) Tuanku Munawir – (Putera) – 1960 – 14 April 1967
  - (x) Tuanku Jaafar – (Adinda) – 1967 – sekarang
- I) RIWAYAT HIDUP DATUK – DATUK UNDANG (SEKARANG)
  - (i) Undang Luak Sungai Ujung
  - (ii) Undang Luak Rembau
  - (iii) Undang Luak Jelebu
  - (iv) Undang Luak Johol
  - (v) Tunku Besar, Tampin
- J) KEBUDAYAAN RAKYAT NEGERI SEMBILAN MENCERMINKAN KEBUDAYAAN RAKYAT ASAL RANTAUINI
  - (i) Pengenalan
  - (ii) Tak Lempong atau Cak Lempong
  - (iii) Tumbuk Kalang dan Dikir Rebana
  - (iv) Tarian Randai
  - (v) Rentak Kudo atau Bongai
  - (vi) Pakaian Trasional Negeri Sembilan/Minangkabau
  - (vii) Senibina dan ukiran



PEJABAT MENTERI BESAR,  
TINGKAT 5B, WISMA NEGERI,  
70502 SEREMBAN



فجابة مختاری بسر  
نگری سنبیلان

M.B.N.S.1.09

MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN

Setitis Tinta.

Rakaman setinggi-tinggi penghargaan saya aju-kan Majlis Belia Negeri (MBN) Negeri Sembilan di atas keupayaan untuk menerbitkan Album Kenangan berjodol 'WARISAN DIRAJA' bersempena dengan Hari Ulangtahun Keputeraan Ke Bawah DYMM Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus.

Penerbitan ini adalah merupakan usaha yang amat murni di kalangan kepimpinan belia masakini di atas semangat kasih sayang terhadap payung pemerintahan Tuanku, selain dari membuktikan pertalian yang akrab di antara Raja dan rakyat jelata.

Menerusi album ini, sudah pasti banyak rakaman yang dapat ditatapi bukan sahaja di kalangan masyarakat hari ini bahkan juga generasi yang mendatang.

Saya menaruh kepercayaan agar penerbitan sulung ini akan melahirkan suasana yang lebih harmonis di kalangan kita semua untuk menyatakan rasa taat setia ke atas takhta pemerintahan negeri tersayang ini.

Semoga semangat kekeluargaan yang lebih padu dapat kita buktikan kepada masyarakat umum hasil dari kesungguhan kita sekalian dalam usaha menerbitkan album kenangan ini.

Salam hormat,

I DATO' HJ. MOHD ISA BIN AJ. ABDUL SAMADI

A handwritten signature in black ink, appearing to read "I DATO' HJ. MOHD ISA BIN AJ. ABDUL SAMADI".





# MAJLIS BELIA NEGERI NEGERI SEMBILAN

## SEKAPUR SIREH

Dengan Nama Allah Yang Amat Pemurah Lagi Amat Mengasihani.

Assalamualaikom W.B.T.,


Syukur alhamdulillah, dengan limpah kurnia dan izin Allah S.W.T., sempena Hari Ulangtahun Keputeraan DYMM Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus ke 67 ini, Majlis Belia Negeri Sembilan Darul Khusus mengambil inisiatif untuk melahirkan Album Warisan Di Raja yang merangkumi salasilah kerabat di raja Negeri Sembilan Darul Khusus serta asal-usulnya.

Kelahiran Album Warisan Di Raja ini akan dapat menjadi salah satu bahan sejarah kepada generasi dan rakyat Negeri Sembilan Darul Khusus khususnya dan Malaysia amnya. Ini merupakan titik mula ke arah pendekatan mutakhir rakyat negeri ini meneliti secara terperinci perkembangan dan asas penubuhan kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus.

Majlis Belia Negeri Sembilan Darul Khusus merasakan amat perlu diterbitkan Album Warisan Di Raja ini agar kesinambungan pengetahuan kepada generasi akan datang dapat dikekalkan demi memelihara ketuanan pemerintahan beraja di negeri bertuah ini.

Akhir kata, Majlis Belia Negeri Sembilan Darul Khusus mengambil kesempatan mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam usaha melahirkan Album Warisan Di Raja ini.

Sekian, terima kasih.

  
HAJI MOHD. NOOR NORDIN BIN ABDULLAH, PPN,  
PRESIDEN,  
MAJLIS BELIA NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.

**WARISAN**

---

**TAKHTA**

---

**DIRAJA**

---

**NEGERI**

---

**SEMBILAN**

# YANG DIPERTUAN IMAM

## Yang Dipertuan Imam 1861 – 1869

Yang Dipertuan Imam telah menjadi Yam Tuan Seri Menanti selama lebih kurang lapan tahun. Baginda telah mangkat pada tahun 1869 di Seri Menanti dan digelar **Marhum Janggut**. Al marhum meninggalkan seorang puteri bernama Tengku Cindai yang bersuamikan Tengku Muda Cik, putera Al marhum Yam Tuan Radin. Baginda juga mempunyai seorang putera bernama Tengku Ahmad Tunggal.

Seterusnya, apabila Raja Radin mangkat pada tahun 1861, Datuk Undang Yang Empat dan Penghulu-penghulu di Negeri Sembilan telah bermuafakat untuk melantik Tuanku Antah menjadi Yam Tuan. Tetapi Tuanku Antah telah menolak dengan alasan baginda belum dewasa dan bersetuju supaya melantik Tuanku Imam, adinda kepada Raja Radin menjadi Yam Tuan.

### **KESIMPULAN:**

Apa yang uniknya di sini ialah, pertamanya **Yam Tuan**, untuk selama lebih kurang 57 tahun adalah didatangkan dari **Pagar Ruyong** oleh Datuk-datuk Undang dan Datuk-datuk Penghulu Negeri Sembilan. Keduanya, selepas diberhentikan amalan mengundang raja dari **Sumatera**, perlantikan Yam Tuan adalah dalam kuasa **Undang Yang Empat**. Datuk-datuk Undang boleh melantik sesiapa sahaja menjadi Yam Tuan asalkan baginda itu keturunan daripada **Raja Radin** (1830 – 1836). Ketiganya, walaupun raja Negeri Sembilan bergelar Yam Tuan bidang kuasanya sehingga April 1898, iaitu semasa perintahan Tuanku Muhammad, adalah terhad ke atas Seri Menanti sahaja. Hanya selepas tarikh tersebut, iaitu selepas kemasukan Inggeris ke seluruh Negeri Sembilan, baru Yam Tuan digelar **Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan**. Walau bagaimanapun, kedudukan baginda sehingga hari ini, dari segi pentadbiran adat kuasa Yang Dipertuan Besar tidak menyeluruh ke atas luak-luak adat yang lain melainkan di Seri Menanti dan lain-lain luak kecil yang menjadi sebahagian dari luak **Tanah Mengandung**.



# PENUTUP

Dalam perkembangan sejarah, semua Luak mengadakan satu persekutuan iaitu federasi daerah dalam Kerajaan Negeri Sembilan yang Rajanya dipilih dan dilantik oleh Undang Yang Empat dan yang diberi gelaran: Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.

Negeri-negeri yang telah bersekutu untuk mewujudkan Kerajaan Negeri Sembilan itu berlaku pada masa pembubaran Kerajaan Johor. Walau pun Negeri-negeri yang sembilan jumlahnya itu telah bermuafakat dan bersepakat untuk menciptakan sebuah Kerajaan Negeri Sembilan, tetapi setiap Negeri tetap mengekalkan otonominya, iaitu setiap Negeri sanggup patuh dan setia kepada Kerajaan Pusat yang diwujudkan itu tetapi tidak diberi hak mentadbirkan negeri-negeri yang berfederasi dengannya secara langsung.

Kerajaan Pusat ini pada dasarnya dilambangkan oleh Yang Dipertuan Besar dan mempunyai hanya satu tugas utama, iaitu: memelihara **perpaduan** Negeri Sembilan. Kepadanya ditunjuk suatu kawasan khas, iaitu Seri Menanti, satu kawasan yang pada mulanya hanya meliputi tanah tempat istana dan tanah kuburan raja. Kawasan ini tidak merupakan satu Masyarakat Hukum Adat dan ia adalah termasuk dalam Luak Ulu Muar.

Dinasti Raja ini tidak pula merupakan suatu suku oleh kerana itu mereka tidak terikat kepada susunan suku yang unilateral atau matrilineal dan tidak pula menganut

sistem eksogami sebagai teras dari suku.

Dari segi sejarah, kita melihat bahawa pada asalnya jawatan Yam Tuan Seri Menanti bukan merupakan satu jawatan yang turun-temurun tetapi jawatan yang dipilih oleh Undang Yang Empat. Tetapi, di perjanjian Seri Menanti bertarikh 14 Jun 1887, barulah ditetapkan bahawa jawatan Yam Tuan adalah turun-temurun dari keturunan Tuanku Antah yang dipilih. Dengan perjanjian ini maka jawatan Yam Tuan bersifat dua, iaitu sebagai Raja dari kawasan Seri Menanti ia turun-temurun dan sebagai Raja dari Negeri Sembilan ia dipilih dari keturunannya. Melalui perjanjian ini pula terbentuklah satu Kerajaan Negeri Sembilan yang dikepalai oleh seorang Raja yang bergelar Yam Tuan atau Yang Dipertuan Besar yang daerahnya meliputi seluruh Negeri Sembilan.<sup>9</sup>

<sup>9</sup>Perlembagaan Negeri Sembilan tahun 1959. Bab-bab, VII, XI dan LXXIX.

Di bawah Yang Dipertuan Besar ialah Penghulu-penghulu Negeri atau lebih terkenal di sini dengan Penghulu Luak. Kedudukan para penghulu ini tidak sama, kerana empat Undang sebagai Penghulu Luak-Luak Sungai Ujong dengan gelaran Dato' Kelana Putera Rembau dengan gelaran Lela Maharaja atau Sedia Raja, Jelebu dengan gelaran Datuk Mendika Menteri Akhirulzaman dan Johol dengan gelaran Johan Lela Perkasa Setiawan diberi kekuasaan untuk memilih dan melantik

Yang Dipertuan Besar. Di antara keempat Undang ini Dato' Kelana Putera menduduki tempat yang agak tinggi sedikit kerana beliau dikenali sebagai **abang**.

Secara keseluruhan sistem Masyarakat hukum Adat menurut Adat Perpatah dilambangkan seperti berikut:

**Raja memerintah Alam  
Undang memerintah Luak  
Lembaga memerintah Suku  
Buapak memerintah Anakbuahnya.**

Kerajaan pusat pada masa itu memang ditubuhkan tidak serapi dengan Kerajaan pusat sebagaimana yang ada sekarang. Justeru itu, maka Negeri Sembilan juga tidak luput dari persaingan kuasa yang seringkali berlaku di negeri-negeri Melayu lain di Semenanjung Tanah Melayu, juga pengaruh penjajahan Inggeris yang pada mulanya sebagai penasihat Kerajaan menambah berlakunya konflik politik. Namun begitu, Kerajaan Negeri Sembilan tetap di samping menerima sistem Masyarakat Hukum secara Barat mempertahankan sistem Masyarakat Hukum Adatnya. Kedudukan Yang Dipertuan Besar juga berasaskan organisasi **territorial** kerana baginda adalah Ketua Kerajaan Negeri Sembilan yang mempunyai sempadan dan suatu kawasan yang tertentu dan memerintah menurut ketentuan-ketentuan yang diletakkan dalam undang-undang perlombagaan Negeri Sembilan tahun 1959.

*Alam beraja  
Luak berpenghulu  
Suku bertua  
Anakbuah beribu bapa*

*Patah tumbuh  
Hilang berganti*

*Beraja ke Johor  
Bertali ke Siak  
Bertuan ke Minangkabau  
Sultan Besar di Seri Menanti  
Pertuan Muda di negeri Rembau*

*Penghulu biasa menghulurkan adat  
Alias biasa menghulurkan Syarak*

*Penghulu raja pada tempatnya  
Hulubalang raja pada tempatnya*

Bagi kita, untuk mendirikan balairong seri atau sidang 'salareh' kini barangkali telah terlalu lewat. Negara telah sudi meneruskan sistem keadilan **Common Law** dan equity itu lengkap dengan seribu satu macam keadaan atau procedurenya. Tetapi kita masih boleh tegak dan menoleh ke belakang dan memanjangkan bibit-bibit yang dapat dimegahkan dalam susunan undang-undang kita sendiri:

*Hanyut di pintasan  
terbenam diselami  
hilang dicari*

Masih banyak warisan peninggalan nenek moyang kita yang harus dapat ditimbulkan, yang dapat disela dan dicari. Masanya ialah kini.

# WARISAN SANDIRAJA

## LAMPIRAN I



### Perjanjian Bertarikh 23hb. November, 1876

"Babawa pada dewasa yang tersebut itulah kita sekalian yang telah menurunkan tandatangan di bawah ini ada hadir di hadapan Tuan Yang Terutama Gabenor yang memerintahkan tiga buah negeri perihal hendak berbuat perjanjian ini yang memberi perdamaian dan aman pada negeri-negeri yang diperintah oleh kita memegang wakil itu, ada surat perjanjian ini kita berikan alamat kebenaran kita serta berjanji bagi termazkor di bawah ini:-

1. Maka adalah kita hendak tinggal dengan perdamaian di dalam negeri-negeri kita sendiri dan mengaku akan Tunku Antah itu menjadi Yamtuan, maka dipanggil akan dia Yamtuan Seri Menanti memerintahkan, Seri Menanti, Johol, Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir, Inas hanyalah.
2. Sebagai lagi, perjanjian kita, maka tiadalah sekali-kali kita kelak memberi kesusahan pada negeri-negeri yang hampir itu, iaitu Rembau, Sungai Ujung dan Jelebu yang tiada suka mengikut perintah Yamtuan Seri Menanti itu, maka adapun negeri yang tiga buah ini telah diketahui iaitu telah menjadi berasing-asing kerajaannya itu adanya.
3. Dan lagi perjanjian kita, jika orang-orang yang baik hendak bermiaga dalam negeri kita itu baik daripada orang-orang Melayu atau Cina atau lain-lain bangsa sekalipun bolehlah mereka itu bermiaga dengan kebebasannya dan tiadalah kita kelak peraniayaan atas mereka itu adanya.
4. Syahadan adalah pula kita menyatakan dengan kemasyghulan kita atas pergaduhan yang telah jadi dalam Negeri Sembilan itu, maka adalah perjanjian kita ini atas sekalian mereka yang bersahabat baik dengan British Government daripada atau semenjak daripada pergaduhan itu tiadalah sekali-kali dalam mana-mana jalan sekalipun kelak kita menyusahkan mereka itu adanya.
5. Sebagai pula kita berikrar di dalam sesuatu perbantahan atau kesusahan yang berbangkit di antara negeri-negeri kita itu mana-mana yang tidak dapat kita menyelesaikan dia, maka hendaklah kita memohon dan menerima pengajaran Yang Maha Mulia Maharaja Johor itu adanya.
6. Walakin, maka adalah kita menentukan daripada hari ini tiadalah boleh sekali-kali Yamtuan Tunku Antah yang tersebut ini membahagikan capnya yang dahulu atau yang lain-lain daripada cap atas segala rupa surat kiriman dan lain-lain rupa surat melainkan hendaklah ia memakai cap baharu yang berbunyi demikian ini:-

"Alawatak birabbi ghafur Yamtuan Tunku Antah Seri Menanti Ibni Almarhum Yamtuan Raja Radin Sunnah 1393.

Melainkan sekali ini sahaja ialah cap yang ada termeterai di bawah ini kerana cap baharu itu belum sedia adanya.

# WARISAN SAMBANDIRI RAJAH

## LAMPIRAN II

### Perjanjian Yamtuan Antah dan Dato'-Dato' Penghulu Luak Dengan Gabenor British, Seri Fredrick A. Weld pada 4hb. Jun, 1887

"Bahawa inilah perjanjian yang telah diperbuat pada hari ini, tarikh 12hb. Ramadan Sunnah bersamaan 4hb. Jun, 1887 di antara Tuan Yang Terutama Sir Fredrick Alusyaweld G.C.M.G. Gabenor dan Commander in Chief bagi tiga buah negeri Singapura, Pulau Pinang dan Melaka serta jajahannya bagi pihak Government dengan Yang Maha Mulia Tuanku Antah Seri Menanti serta keredhaan atau seikrar dengan Dato'-Dato' Penghulu negeri itu, Johol, Inas, Muar, Jempol, Terachi dan Gunung Pasir bagi pihak Negeri Sembilan.

1. Adapun kedua-dua kerajaan Government dengan Negeri Sembilan itu kelak sentiasa sama-sama bekerja dengan bersetuju bertolongan supaya boleh ramai orang-orang di dalam negeri itu, maka kedua pihaknya itu pelihara memelihara dari hal ehwal negeri masing-masing supaya duduk dalam kesentosaan serta telah sekatalah pula kedua pihaknya itu mengaku akan serta menyerahkan orang-orang yang terkena tuduh daripada sebarang jenis kesalahan, maka perkara itu bolehlah kelak di antara kedua kerajaan itu mengaturkannya.
2. Adapun Yang Maha Mulia Yamtuan Seri Menanti serta Dato'-Dato' Penghulu negeri-negeri yang tersebut nama di atas itu yang ada berkena dalam fasal ini telah berjanji pula hendak memberi pertolongan jika dipinta oleh Gabenor tiga buah negeri pada menolong bersama-sama melakukan jalan yang boleh mendatangkan perniagaan di sebelah darat-darat itu dengan membuat jalan yang boleh menerusi lalu ke negeri-negeri itu.
3. Sebagai lagi, telah sekatalah pula Yang Maha Mulia Yamtuan Seri Menanti dengan Dato'-Dato' Penghulu negeri-negeri yang tersebut nama di atas itu, jika sekiranya berlaku sesuatu jalan yang boleh menerbitkan sebarang perjanjian atau berhubung dalam kirim-mengirim surat dengan negeri-negeri lain itu maka hal yang sedemikian itu bolehlah Gabenor tiga buah negeri sahaja menjalankannya. Dan lagi tiadalah pula akan diberi izin membuat sesuatu pekerjaan pada orang-orang yang lain daripada rakyat Inggeris atau Persekutuan Inggeris atau orang-orang Melayu, Cina dan Hindustan ataupun yang bukan daripada bangsa rakyat Inggeris yang di sebelah timur ini melainkan mahulah dengan keredhaan daripada Gabenor yang memerintah tiga buah negeri ini.
4. Syahadan adalah Government pihak Baginda Yang Maha Mulia Her Majesty Queen Great Britain dan Shah Antah bagi Negeri India itu telah mengakui Tuanku Besar Muhammad ibni Tunku Antah itu akan pengantinya menjadi Yamtuan di dalam daerah Negeri Sembilan hingga turun-menurun kepada anaknya dan cucu cicitnya betul keturunannya daripada zuriat Yamtuan yang ada sekarang ini, tamat adanya.

Tandatangan,  
Fred A. Weld,  
Governor and Commander in Chief.

Tandatangan di hadapan,  
J.F. Dickson,  
Setiausaha Tanah Jajahan,  
Tandatangan dan Cap Mohor,  
Tuanku Antah.

Tandatangan,  
Martin Lister.

# WARISAN SAMSADI RAJA

## LAMPIRAN III

### Perjanjian Di Antara Yang Dipertuan Besar Seri Menanti Dengan Undang Yang Empat

Bahawa adalah dengan sesungguhnya beta Yang Dipertuan Besar Muhammad C.M.G. Ibni Al-Marhum Yang Dipertuan Antah telah memperbuat surat perjanjian dengan Undang Yang Empat, pertama Dato' Kelana Putera serta Dato' Bandar Sungai Ujung – kedua, Dato' Mendlika Menteri Akhir Zaman Sutan Jelebu – Ketiga, Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan Johol dan keempat Dato' Sedia Raja Rembau. Maka adalah beta serta Undang Yang Empat bersama-sama Tuan British Resident telah mengukuhi peraturan adat negeri dan pesaka yang telah dibuat oleh orang-orang tua-tua zaman dahulu kala iaitu yang tersebut di bawah ini.

1. Maka sekarang telah kembalikan Undang Yang Empat menabalkan beta jadi raja di dalam Negeri Sembilan kerana mengikut peraturan yang telah diperbuat oleh orang tua-tua.
2. Adapun dari hal beta telah dirajakan di dalam Negeri Sembilan ini maka di dalam aturan dahulunya tiada pula beta mencampuri dari hal perintahan adat negeri atau shara' melainkan apa-apa yang berlaku di dalam luaknya masing-masing habislah dengan bermesyuarat dengan Tuan British Resident Negeri Sembilan tiada berkehendak dengan perintah beta.
3. Jikalau berbangkit perselisihan di antara Undang dengan Undang, iaitu darihal perintahan luaknya, jika sekiranya beta mencampuri serta mengadilkan darihal itu, akan tetapi jika pegawai Undang Yang Empat atau rakyat di dalam perintahan Undang Yang Empat itu datang mengadap mengadukan hal atau dengan surat tiadalah kelak beta terima akan pengaduan mereka itu.
4. Dan apakala sampai pada hari raya yang kedua di dalam aturan yang dahulu tiadalah pula Undang Yang Empat datang mengadap beta di dalam Istana Seri Menanti melainkan boleh diperbuatnya apa-apa peraturan di dalam luaknya masing-masing, akan tetapi jikalau beta membuat sesuatu pekerjaan yang besar seperti nikah kahwin dan sunat rasul beta persilakan Undang Yang Empat hendaklah Undang Yang Empat menyempurnakan darihal itu.
5. Jika Yang Dipertuan itu mangkat maka seharusnyalah Undang Yang Empat itu membawa persembahan emas manah ala kadar masing-masing dan seperti wang emas manah itu sepatutnya dikeluarkan daripada Kerajaan Negeri Sembilan.
6. Syahadan hendaklah Undang Yang Empat itu berkebulatan dan berkerapatan memilih di dalam putera itu ditabalkan jadi Yang Dipertuan mengikut sebagaimana istiadat peraturan menabalkan Yang Dipertuan dahulu itu juga, demikianlah adanya.

Termaktub pada 8 haribulan Zulhijah sunnah Muhamadiah 1315 berbetulon dengan 29 haribulan April, Tahun Masihi 1898. Perjanjian ini ditandatangani oleh Tuanku Muhamad Shah, Tuan E.W. Birch British Resident, Dato' Kelana Putera Ma'amor dan Dato' Bandar Haji Ahmad, Dato' Jelebu, Dato' Johol Saeto dan Dato' Rembau Haji Siron bin Sidin.

# MENJUNJUNG TERIMA KASIH

Majlis Belia Negeri Sembilan Darul Khusus menjunjung  
kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Besar  
Negeri Sembilan Darul Khusus keatas persafahaman,  
kesabaran dan panduan Baginda Tuanku yang di hargai  
dalam susunan dan produksi Album “Warisan Di Raja”  
ini. Patik semua sedar sebuah Album yang bermutu tidak  
akan berjaya dihasilkan tanpa pandangan dan nasihat  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Haji Mohd. Noor Nordin b. Abdullah PPN.

Presiden

MAJLIS BELIA NEGERI  
NEGERI SEMBILAN

# AHLI JAWATANKUASA ALBUM WARISAN DIRAJA

**Penasihat** :  
**Adviser** :  
**YM Tunku Uzir Bin Tunku Laksamana Nasir**

**Pengerusi** :  
**Chairman** :  
**Encik Mohd. Noor Nordin Bin Abdullah, PPN.**

**Pengarang Utama** :  
**Chief Editor** :  
**Encik Mohd. Hisa Tahat, PMC., PJK.**

**Pengarang/Penyunting** :  
**Editor** :  
**Cik Ruslina Sulaiman, B.A. (Hons) UKM**

**Ahli-ahli** :  
**Members** :  
**Tuan Haji Muhammad Bin Sigut, AMN., JP., PKL., PJK.**  
**Encik Mohd. Yusof Bin Othman, PJK.**  
**Encik Ariffin Bin Ibrahim**  
**Encik Alex Lim**

## AHLI JAWATANKUASA KERJA MAJLIS BELIA NEGERI

<b>Presiden</b>	: Haji Mohd Noor Nordin bin Abdullah, PPN
<b>Timbalan Presiden</b>	: Encik Ibrahim bin Abdullah, PMC, PJK
<b>Naib Pengerusi 1</b>	: Encik Mohd Hisa bin Tahat, PMC, PJK
<b>Naib Pengerusi 2</b>	: Haji Muhamad bin Sigut, AMN, JP, PJK, PKL
<b>Naib Pengerusi 3</b>	: Puan Echam bte Haji Hassan, PJK
<b>Setiausaha Agung</b>	: Encik Mohd. Yusof bin Othman, PJK
<b>Pen. S/Usaha Agung</b>	: Haji Abdullah bin Awang Embun
<b>Bendahari</b>	: Encik Lim Tuan Kee
<b>Peg. Perhubungan</b>	: Cik Norihan bte Sulaiman

### Ahli J/Kuasa:

Hajjah Shamsiah bte Samsuddin, PJK	: Encik Yip Chee Keong
Encik Shaharuddin bin Haji Hadi, PJK	: Encik Mohd Karim bin Hj. Bidin
Encik Loh Kim Heng, PMC, PJK	: Encik Baharuddin bin Ahmad, PJK
Encik S.M Sharifuddin bin Md. Amin, BMC, PJK	: Encik S.D.S Puspanathan a/l Sellam
Encik Mohd Ariffin bin Ibrahim	: Encik Nornikman bin Haji Zubir, PJK, JC
Encik Razali bin Abdul Jalil	: Encik V. Selvam
Cik Mariam binti Haji Ibrahim	: Encik Mohd Shariff bin Ahmad
Encik Allagappa a/l Marithmuthu	

Majlis Belia Negeri Negeri Sembilan ingin mengucapkan ribuan terima kasih ke atas kerjasama dan sokongan daripada YAB Dato' Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus serta individu-individu dan pihak tertentu yang berikut.

**SEKALUNG  
TERIMA  
KASIH**

**ACKNOWLEDGEMENT**

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Abdul Samad Bin Idris  
Y.B. Dato' Haji Shahardin Bin Haji Hashim, DSNS., JP., PJK.  
Y.B. Dato' Amirrudin Bin Kaharuddin, DSNS., KMN.  
Encik Shariff Bin Ahmad  
Ahli-ahli Jawatankuasa Album Warisan DiRaja  
Pegawai-pegawai Wisma Negeri  
Pegawai-pegawai Istana Hinggap, Seremban  
Polis DiRaja Malaysia  
Perpustakaan Negeri  
Pengiklan-pengiklan yang sudi ambil bahagian dalam  
Warisan DiRaja  
Penganjur-penganjur Jamuan DiRaja  
Badan Kesenian Tentera Darat  
Rakyat Jelata Negeri Sembilan

Oleh kerana ruangan tidak mengizinkan maka pihak kami tidak dapat senaraikan semua individu dan penyokong yang telah menyumbang untuk menjayakan usahasama ini. Walau bagaimana pun pihak kami sangat berterima kasih atas panduan dan kerjasama yang telah diberikan.

Album Warisan DiRaja Negeri Sembilan Darul Khusus telah diterbitkan oleh Majlis Belia Negeri Sembilan Darul Khusus.

Penerbit	:	Majlis Belia Negeri Negeri Sembilan
Penasihat	:	YM Tunku Uzir Bin Tunku Laksamana Nasir
Presiden	:	Haji Mohd. Noor Nordin Bin Abdullah, PPN
Setiausaha Agung	:	Encik Mohd. Yusof Bin Othman, PJK.
Bendahari	:	Encik Lim Tuan Kee
Pengarang Utama	:	Encik Mohd. Hisa Bin Tahat, PMC., PJK.
Pengarang/Penyunting	:	Cik Ruslina Binti Sulaiman, B.A. (Hons) UKM.
Rekaan/Konsep	:	Encik Alex Lim
Rekaan	:	Eric's Design
Pelukis	:	Encik Liow Wee Liang
Pengurus Iklan	:	Encik Norazman Abdullah
Pemisahaan Warna	:	Lithomatic Sdn. Bhd.
Pencetak	:	Percetakaan Okid Sdn. Bhd.